

PARLIMEN-TINDAKAN

1978

KUALA LUMPUR, 25 OKT (BERNAMA) — KERAJAAN AKAN MENGAMBIL TINDAKAN TEGAS TERHADAP PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN PUSAT DI SABAH YANG DIDAPATI BEKERJA +SESUKA HATI.+

JAMINAN INI DIBERI OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEWAKTU MENJAWAB PERTANYAAN DATUK STEPHEN R. EVANS (BN-KENINGAU) DI DEWAN RAYAT HARI INI.

DATUK STEPHEN MENGADU KEBANYAKAN PEGAWAI DI JABATAN PENDAFTARAN NEGARA, BANGUNAN PERSEKUTUAN DI KOTA KINABALU BERTINDAK +SESUKA HATI DAN SESUAI DENGAN TUJUAN MEREA SENDIRI.+

BELIAU MENDAKWA PERMOHONAN UNTUK Mendapatkan KAD PENGENALAN DAN SIJIL KEWARGANEGARAAN MENGAMBIL MASA BERTAHUN-TAHUN UNTUK DIPROSES.

BELIAU JUGA MENDAKWA PEGAWAI-PEGAWAI JABATAN PENILAIAN TANAH WILAYAH DI BANGUNAN PERSEKUTUAN, DI KOTA KINABALU BERSIKAP +ACUH TAK ACUH DAN MELAMBAT-LAMBATKAN KERJA.+

PARLIMEN-TINDAKAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN KERAJAAN AKAN MENYIASAT TUDUHAN ANGGOTA DARI KENINGAU ITU DAN JIKA BENAR TINDAKAN YANG TEGAS AKAN DIAMBIL TERHADAP MEREA YANG BERKENAAN.

BAGAIMANAPUN BELIAU MENJELASKAN KELAMBATAN Mendapatkan KAD PENGENALAN MUNGKIN DISEBABKAN OLEH BEBERAPA PERKARA.

SALAH SATU DARIPADANYA PARA PEMOHON TIDAK MENGIKUT ARAHAN YANG DIKEHENDAKI SEMASA MEMBUAT PERMOHONAN.

SEBAB-SEBAB YANG LAIN ANTARANYA IALAH TIDAK ADA SURAT BERANAK ATAU DOKUMEN-DOKUMEN MENYOKONG PERMOHONAN DAN TIDAK MEMBERITAHU PERTUKARAN ALAMAT.

MENGENAI KEWARGANEGARAAN PULA, TIAP PERMOHONAN PERLU DITELITI DENGAN SEHALUS-HALUSNYA UNTUK MENENTUKAN SIPEMOHON BENAR-BENAR MEMPUNYAI KELAYAKAN YANG CUKUP DAN BERHAK MENERIMA TARAF WARGENEGRA MALAYSIA. — BERSAMBUNG 1735/BY

PARLIMEN-TINDAKAN 3 KUALA LUMPUR

KERANA ITU, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, PROSES PENYEMAKAN DAN PERTIMBANGAN PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN MUNGKIN MENGAMBIL MASA YANG LAMA.

INI TIDAKLAH BOLEH DIANGGAP SEBAGAI SATU TINDAKAN MELAMBAT-LAMBATKAN KERJA, KATANYA LAGI.

MENGENAI PEJABAT PENILAIAN KOTA KINABALU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PEJABAT ITU MENJALANKAN KERJA-KERJANYA DALAM KEADAAN YANG SERBA KEKURANGAN SERTA KESULITAN.

YANG MEMBURUKKAN KEADAAN LAGI IALAH KEKURANGAN KAKITANGAN TEKNIKAL. SEORANG PEGAWAI PENILAIAN DARI SEMENANJUNG MALAYSIA TERPAKSA DIHANTAR BAGI MENTADBIR PEJABAT ITU.

SETAKAT INI HANYA DUA DARIPADA LIMA JAWATAN PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN TELAH DAPAT DIISIKAN KERANA KEKURANGAN CALON-CALON TEMPATAN, KATANYA. —BERSAMBUNG 1738/BY

££

B584

PARLIMEN-TINDAKAN 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN ADA BERLAKU SEDIKIT KELEWATAN, TETAPI TIDAK ADA SIKAP +ACUH TAK ACUH DAN MELAMBAT-LAMBATKAN KERJA+ SEPERTI YANG DITUDUH OLEH ANGGOTA ITU. —BERNAMA 1739/BY